

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA  
(Mineral and Geoscience Department)  
IBU PEJABAT, LANTAI 20  
BANGUNAN TABUNG HAJI  
JALAN TUN RAZAK  
50658 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel: 603-2161 1033  
Faks: 603-2161 1036  
E-mel: [jmgklf@jmg.gov.my](mailto:jmgklf@jmg.gov.my)  
Laman Web: [www.jmg.gov.my](http://www.jmg.gov.my)

JMG KLL:(KW)02/99 (4)

26 Januari 2015

Timbalan Ketua Pengarah (KEM)  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal , Ipoh  
Pengarah Pusat Penyelidikan Mineral, Ipoh  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Sabah,  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Sarawak,  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kelantan,  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Terengganu,  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang,  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Johor,  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Sembilan/Melaka  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak  
Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang  
Pengarah Hal Ehwal Korporat JMG Ibu Pejabat  
Pengarah Ekonomi Mineral JMG Ibu Pejabat

Y.Bhg.Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH JMG BILANGAN 1 TAHUN 2015  
PEROLEHAN SECARA ELEKTRONIK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.


- Adalah dimaklumkan bahawa mulai tahun 2015 Ibu Pejabat dan juga JMG Negeri akan melaksanakan urusan perolehan bekalan /perkhidmatan Kerajaan melalui sistem ePerolehan secara atas talian sepenuhnya. Pelaksanaan meliputi modul Pendaftaran Pembekal, Pembelian Terus, Kontrak Pusat, Kontrak Kementerian, Sebut Harga , Tender dan eBidding.
- Berdasarkan pelaporan daripada Commerce Dot Com bagi tahun 2014 , pencapaian JMG adalah seperti berikut :

- 3.1 Penggunaan eP secara online hanya 52% bagi modul pembelian Terus, Kontrak Pusat dan Kontrak Kementerian.
  - 3.2 Penggunaan modul Sebut Harga /Tender di Ibu Pejabat dan JMG Sarawak sahaja.
  - 3.3 Penggunaan modul eBidding hanya JMG Kelantan.
4. Bagi memastikan setiap PTJ mengambil serius perkara ini, satu Pasukan Pelaksana perlu diwujudkan bagi memantau pelaksanaan perolehan melalui sistem eP. Peranan Pasukan Pelaksana adalah seperti berikut :
- 4.1 Mengadakan Mesyuarat Pasukan Pelaksana PTJ sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan melaporkan kepada Mesyuarat Pasukan Petugas Ibu Pejabat.
  - 4.2 Memastikan semua perolehan bertransaksi melalui sistem eP dan telah mencapai sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah peruntukkan tahunan.
  - 4.3 Mengenal pasti isu pelaksanaan eP di peringkat PTJ yang tidak dapat diselesaikan untuk dibawa ke Ibu Pejabat.
5. Arahan ini berkuatkuasa bermula Januari 2015 bersesuaian dengan 1Pekeliling Perbendaharaan PK5/2013.
6. Kerjasama Y.Bhg Dato' / Tuan dalam pelaksanaan arahan ini diharap dapat meningkatkan lagi peratusan penggunaan ePerolehan di JMG bagi tahun 2015.

Sekian, Terima Kasih.

**“BERINTEGRITI MENINGKAT PERKHIDMATAN CEMERLANG”**

Saya yang menurut perintah,



**(MIOR SALLEHUDDIN BIN MIOR JADID)**

b.p Ketua Pengarah  
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

s.k Y.Bhg. Dato' KP